



IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN DASAR PERCUKAIAN  
MENARA HASIL ARAS 17  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 03-83138888  
Faks : 03-83137811  
: 03-83137812  
: 03-83137816  
Laman Web : <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan:

Ruj Kami:LHDN.01/35/(S)/42/51/60.6(ra)

Tarikh : 25 Mei 2015

→ KS

Pengerusi  
Chartered Tax Institute of Malaysia  
Unit B-13-1, Block B (Unit 1-5)  
13<sup>th</sup> Floor, Megan Avenue 11  
No, 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur

Tuan,

**PEMAKAIAN KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)(KELENGKAPAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2014 [P.U.(A) 217/2014]**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada e mel tuan kepada Puan Noraini Ismail bertarikh 22 December 2014 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

**1. Pemakaian subperenggan 7(d) P.U.(A) 217/2014**

Dimaklumkan bahawa dasar pemberian elaun modal dipercepatkan (ACA) di bawah P.U.(A) 217/2014 di atas akan disemak semula selepas Kementerian Kewangan mengambil kira kesan subperenggan 7(d) P.U.(A) 217/2014 berkenaan. Ia akan dipinda berdasarkan kepada aset. Draf pindaan P.U.(A) 217/2014 telah dirangka oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan dalam proses untuk dihantar ke Kementerian Kewangan untuk semakan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Dengan ini, seseorang itu layak menuntut elaun modal dipercepatkan (ACA) bagi senarai aset yang tersenarai di bawah P.U.(A) 217/2014 dan perbelanjaan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan yang dinyatakan seperti di bawah, dalam tahun taksiran yang sama:-

- Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Perbelanjaan Audit) 2006;
- Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Berhubung Dengan Yuran Kesetiausahaan Dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014; atau



- (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Berhubungan Dengan Latihan Untuk Pekerja Bagi Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014,

selepas pindaan tersebut dibuat. Sekiranya aset telah dituntut ACA di bawah P.U.(A) 217/2014 maka aset yang sama tidak boleh tuntut elaun cukai pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, elaun pelaburan semua di bawah Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 atau pengecualian cukai bersamaan dengan kos aset di bawah mana-mana perintah cukai pendapatan.

2. **Sama ada tuntutan di bawah P.U.(A) 217/2014 hanya diberikan kepada seseorang yang layak untuk lain-lain potongan dibawah Seksyen 154 dan tidak memperoleh apa-pendapatan yang dikecualikan daripada cukai di bawah Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967**

Merujuk kepada penjelasan di perenggan 1 di atas, sesebuah syarikat masih layak untuk tuntut pengecualian di bawah seksyen 127 walaupun telah menuntut ACA di bawah P.U.(A) 217/2014 kerana pindaan ketidakpakaian akan dibuat berdasarkan aset dan bukannya atas syarikat. Menurut contoh yang diberikan, jika sesebuah syarikat telah dikecualikan di bawah Jadual 6, ACP 1967 mengikut peruntukan seksyen 127 ACP 1967, maka syarikat tersebut masih layak untuk menuntut ACA di bawah P.U.(A) 217/2014 dengan syarat aset yang sama tidak menuntut lebih daripada satu insentif.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(ROSNITA AHMAD)**

Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Konsultasi Galakan Cukai  
Jabatan Dasar Percukaian  
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.